

ANUGERAH SEKOLAH HIJAU

2021

Peringkat Seberang Perai
Penganjur Utama



Keluaran Urusetia Local Action 21 (LA 21)
Majlis Bandaraya Seberang Perai
Jalan Perda Utama, Bandar Perda
14000 Bukit Mertajam.
Tel: 04 5497555 Faks: 04 5389700

www.mbsp.gov.my

Majlis Bandaraya Seberang Perai



Disokong oleh



Kerajaan Negeri Pulau Pinang



Penganjur Bersama
Dan Penaja Utama

Continental

Continental Automotive
Components (Malaysia) Sdn Bhd, Perai

ANUGERAH SEKOLAH HIJAU 2021

Visi: Sekolah Hijau Penggerak Kelestarian Alam Sekitar.

Misi:- Berusaha berterusan bersama MBSP bagi merealisasikan amalan "Smart Consumption" 8R iaitu Rethink, Refuse, Re-use, Reduce, Repair, Re-gift, Recover dan Recycle demi generasi akan datang.

Program anugerah sekolah hijau ini dibentuk sebagai program pengauditan alam sekitar bagi sekolah-sekolah di Seberang Perai.

Tujuan program ini ialah menerima pendekatan secara holistik bagi pengurusan alam sekitar dan menggalak penambahbaikan berterusan. Ia perlu diberi tumpuan kepada pengurangan sisa-sisa buangan, pemeliharaan sumber dan lain-lain lagi.

Pelajar bekerja sebagai satu pasukan untuk mengaudit dan kemukakan laporan mengenai usaha-usaha penjagaan alam sekitar termasuk rancangan penambahbaikan.

Sekolah yang berminat untuk menyertai program ini dikehendaki melengkapkan borang penyertaan dengan mencatatkan tajuk program, projek atau aktiviti sekolah yang bakal berlangsung dalam masa tahun 2021. Projek alam sekitar yang masih ataupun sedang dijalankan di sekolah anda juga layak menyertai Anugerah Sekolah Hijau.

Semua projek mesti melebihi 90% siap pada minggu pertama bulan Ogos 2021.

Berdasarkan kepada laporan, anugerah akan diberi kepada dua kategori iaitu untuk Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah.

Sekumpulan juri akan membuat semakan serta penghakiman dan peserta-peserta akhir akan dipilih berdasarkan kriteria-kriteria pertandingan, mutu dan kecemerlangan yang dipaparkan dalam usaha menjaga alam sekitar.

Pihak penganjur akan melawat ke tapak untuk memeriksa dan memberi cadangan untuk peningkatan kualiti alam sekitar.

Pihak penganjur memainkan peranan dalam khidmat mendidik, khidmat nasihat kepada sekolah yang berminat untuk menyertai program ini.

Penanaman pokok di kawasan sekolah.

Memberi latihan kepada guru-guru agar dapat menerapkan isu-isu alam sekitar di dalam kurikulum harian pelajar.

Pengauditan berkenaan sisa-sisa buangan, penggunaan tenaga dan penggunaan air.

Kerja-kerja pemuliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Sokongan kepada sekolah untuk melengkapkan penyertaan projek Anugerah Hijau.

Pendidikan alam sekitar secara PERCUMA kepada sekolah yang telah menyertai pertandingan.

Bantuan dari segi idea untuk memasuki pertandingan Anugerah Sekolah Hijau 2021.

2. Penerima Anugerah akan dihadiahkan seperti berikut :

1. Sekolah-sekolah Menengah

- a) Johan x 1
Wang tunai RM2000 + Sijil Penghargaan
- b) Naib Johan x 1
Wang tunai RM1600 + Sijil Penghargaan
- c) Anugerah Emas x 1
Wang tunai RM1000 + Sijil Penghargaan
- d) Anugerah Perak x 6
Wang tunai RM600 + Sijil Penghargaan
- e) Anugerah Gangsa x 6
Wang tunai RM300 + Sijil Penghargaan

2. Sekolah-Sekolah Rendah

- a) Johan x 1
Wang tunai RM2000 + Sijil Penghargaan
- b) Naib Johan x 1
Wang tunai RM1600 + Sijil Penghargaan
- c) Ketiga x 1
Wang tunai RM1200 + Sijil Penghargaan
- d) Anugerah Emas x 2
Wang tunai RM1000 + Sijil Penghargaan
- e) Anugerah Perak x 9
Wang tunai RM600 + Sijil Penghargaan
- f) Anugerah Gangsa x 9
Wang tunai RM300 + Sijil Penghargaan

3. Anugerah Khas Untuk Sekolah Menengah / Sekolah Rendah

- | | |
|---------------------------|----------|
| a) Program sisa sifar | RM300.00 |
| b) Inovasi dan kreativiti | RM300.00 |
| c) Penglibatan digital | RM300.00 |

4. Skema pemarkahan yang digunakan ialah sebagaimana berikut :-

- | | |
|-----------------------------------|-----------|
| 1. Kecakapan sumbar asli | 40 Markah |
| 2. Kebersihan dan Penghijauan | 18 Markah |
| 3. Program Inovasi dan kreativiti | 14 Markah |
| 4. Penglibatan digital | 16 Markah |
| 5. Pembentangan | 12 Markah |

1. Jadual Anugerah

- a) Tarikh tutup pendaftaran atas talian : 21-6-2021
 b) Tarikh tutup hantar laporan atas talian : 30-9-2021
 c) Tarikh Penilaian panel : Oktober 2021
 d) Tarikh penyampaian hadiah : Akhir November 2021

Catatan: Semua sekolah harus menggunakan sistem e-pendaftaran bagi pendaftaran Anugerah Sekolah Hijau
[\(\[http://www.pgc.com.my/PSG_assessment/login.php\]\(http://www.pgc.com.my/PSG_assessment/login.php\)\)](http://www.pgc.com.my/PSG_assessment/login.php)

2. Penerangan / Pertanyaan

Sebarang penerangan/pertanyaan, sila hubungi :-

- 1. Encik Chew Eng Seng**
 Tel No : 012 4779330
 e-mail : eschew@mbsp.gov.my

atau menulis kepada :

Urusetia LA21

Majlis Bandaraya Seberang Perai
 Jalan Betek 14000 Bukit Mertajam

Cik Kim Tan
 Tel No : 04-3819890
 e-mail : kim.tan@continental-corporation.com

Cik Zalinah Yusof
 Tel No : 04-3819127
 e-mail : yusof.zalinah@continentalcorporataion.com

Continental Automotive Components
 Malaysia Sdn Bhd
 2455, Mk 1 Tingkat Perusahaan 2A
 Prai Industrial Estate, 13600 Prai
 Penang, Malaysia.

ANUGERAH SEKOLAH HIJAU 2021

Peringkat Seberang Perai

Borang Penyertaan

Nama Sekolah	
Bilangan Murid	
Nombor Telefon Sekolah	
E-mail Sekolah	
Nama Guru:	
Nombor Telefon Guru :	1
	2
Alamat E-mail :	1
	2
Tandatangan Guru :	
Tandatangan Guru Besar :	
Tarikh :	
1. Nama Penerima 2. Nama Bank 3. No. Akaun (Sila keplikan penyata akaun bank)	

• Untuk sebarang penerangan/pertanyaan, sila hubungi :-

- 1. Encik Chew Eng Seng**
 Tel No : 012 4779330
 e-mail : eschew@mbsp.gov.my
- 2. Cik Kim Tan**
 Tel No : 04-3819890
 e-mail : kim.tan@continental-corporation.com
- 3. Cik Zalinah Yusof**
 Tel No : 04-3819127
 e-mail : yusof.zalinah@continentalcorporataion.com

SKEMA PEMARKAHAN ASH 2021

Skema Pemarkahan	MARKAH	MAKLUM BALAS
(1) Kecekapan Sumber Asli (40 markah)		
A. Penjimatatan tenaga elektrik (12 markah)		
1 Adakah sekolah anda mempunyai sebarang program untuk menggalakkan warga sekolah supaya menjimatkan tenaga secara berterusan? Petunjuk: Minima 3 program (harian, mingguan atau bulanan) (2m) Pelaksanaan Program (1m)	3	Ya/ Tidak
2 Adakah sekolah anda memantau penggunaan tenaga di sekolah? Petunjuk : Kadar penggunaan elektrik antara Jan - Mei 2021 dipaparkan di pejabat (sekurang-kurangnya 1 bulan)	2	Ya/ Tidak
3 Adakah sekolah anda mempunyai jadual pembersihan untuk peralatan lampu dan penghawa dingin bagi mengurangkan penggunaan tenaga? Petunjuk: Jadual pembersihan mentol, lampu, penapis penghawa dingin dipaparkan di pejabat.	1	Ya/ Tidak
4 Adakah sekolah anda mengekalkan suhu bilik di antara 23°C- 25°C? Petunjuk: termometer/ termometer digital	1	Ya/ Tidak
5 Adakah sekolah anda mempunyai program untuk menggalakkan para ibubapa dan pemandu bas sekolah yang memandu supaya mematikan enjin semasa menunggu di kawasan sekolah bagi menjimatkan sumber asli dan menjaga kualiti udara? Petunjuk: Poster/ papan tanda (1m)	1	Ya/ Tidak -
Soalan Pilihan		
1 Adakah sekolah anda membeli peralatan elektrik yang menjimatkan tenaga? Contoh: Peralatan yang mempunyai label kecekapan tenaga	1	Ya/ Tidak berkaitan
2 Adakah sekolah anda dilengkapi dengan sekurang-kurangnya 10% lampu penjimat tenaga? Contoh: lampu LED	1	Ya/ Tidak berkaitan
3 Adakah sistem penebat dipasang di pejabat sekolah anda? Contoh: kaca berwarna, dinding, bumbung	2	Ya/ Tidak berkaitan
B. Kecekapan Sumber Asli - Pemuliharaan dan Penjimatatan Air (Program AQUA SAVE PBA) (11 markah)		
1 Adakah sekolah anda mempunyai sebarang perancangan untuk meneruskan, mengembangkan atau memperkasakan program pemuliharaan air yang sedia ada? Contoh: Sistem penuaan air hujan (1m) dan air penghawa dingin (1m), penggunaan 'penjimat air' dalam pili air atau penggunaan air semula melalui kaedah lain (1m)	3	Ya/ Tidak
2 Adakah anda meletakkan papan tanda/ poster peringatan yang mencukupi untuk menggalakkan pelajar/ kakitangan sekolah untuk mengurangkan penggunaan air? Petunjuk: poster / papan tanda dipaparkan di setiap punca air	2	Ya/ Tidak

3	Adakah sekolah anda mengawasi sistem bekalan air dan mempunyai polisi/prosedur penyelenggaraan/ pemantauan yang jelas? Contoh: Cara menghubungi pegawai bertanggungjawab (nama, no tel) untuk melaporkan kebocoran paip bagi rujukan murid/ kakitangan sekolah	2	Ya/ Tidak
4	Adakah sekolah anda mempunyai jadual pemantauan penggunaan air dan menetapkan sebarang sasaran? Petunjuk : Kadar penggunaan elektrik antara Jan - Mei 2021 dipaparkan di pejabat (sekurang-kurangnya 1 bulan)	2	Ya/ Tidak
5	Adakah sekolah anda mempunyai jawatankuasa untuk memacu program pemuliharaan air? Petunjuk: Carta Jawatankuasa Sekolah Hijau, bahagian Air	1	Ya/ Tidak
6	Adakah warga sekolah anda sedar akan peranan dan sumbangan mereka terhadap program pemuliharaan air di sekolah? Contoh: Peringatan tentang kepentingan penjimat air dalam sekolah.	1	Ya/ Tidak
C. Kecekapan Sumber – 8R (17 markah)			
1	Adakah sekolah anda mempunyai sudut simpanan barang kitar semula? Petunjuk: sekurang-kurangnya 1 tong kitar semula	2	Ya/ Tidak
2	Adakah sekolah anda mempunyai tong kitar semula di setiap bilik darjah dan pejabat?	2	Ya/ Tidak
3	Adakah sekolah anda menyimpan rekod/data kutipan sisa kitar semula? Petunjuk: rekod kutipan (3m), hasil jualan (1m), kg per kapita (jumlah berat barang kitar semula/ bilangan warga sekolah) (1m)	5	Ya/ Tidak
4	Adakah pengasingan sisa organik (sisa makanan dan kebun) dilaksanakan di sekolah anda? Petunjuk: pengasingan sisa organik (1m) sisa organik dijadikan kompos (1m) kompos digunakan untuk tanaman (1m) rekod jumlah penghasilan kompos (1m)	4	Ya/ Tidak
5	Adakah sekolah anda menggalakkan penggunaan bekas makanan dan minuman yang boleh diguna semula? Contoh: Membawa/ menggunakan botol air/gelas dan bekas makanan sendiri.	2	Ya/ Tidak
6	Adakah sekolah anda mempraktikkan "Tak Nak Plastik Sekali Guna" dan melarang penggunaan bekas makanan polisterin? Petunjuk: Poster berkaitan di kantin dan di koperasi	2	Ya/ Tidak

	(2) Inovasi dan Kreativiti (14 markah)		
1	Program Keusahawanan Adakah sekolah anda mempunyai rekod hasil dan jualan bagi produk tanaman dan produk recycle/upcycle yang dihasilkan oleh para pelajar? Petunjuk: 1) Produk hijau-tanaman, jualan, rekod aktiviti (3m) 2) Produk upcycle/ recycle-penghasilan, jualan, rekod jualan (3m)	6	Ya/ Tidak
2	Program Kecekapan dan Pemuliharaan Sumber-sumber Adakah warga sekolah anda menghasilkan dan menggunakan barang inovasi mereka dari sumber-sumber yang boleh digunakan? Petunjuk: Penghasilan (3m), Aplikasi/ Anugerah pencapaian (2m)	5	Ya/ Tidak
3	Adakah warga sekolah anda mempunyai program-program inovatif? Petunjuk: Minima 3 program	3	Ya/ Tidak
	(3) Kebersihan & Penghijauan (18 markah)		
1	Adakah kebersihan semua tandas terjaga? Petunjuk: pengudaraan (1m), sanitasi (1m), jadual pembersihan tandas (1m)	3	Ya/ Tidak
2	Adakah kebersihan semua bilik darjah dan pejabat terjaga? Petunjuk: label/poster penjimatan tenaga/air (1m), tong sampah (1m), kebersihan (1m)	3	Ya/ Tidak
3	Adakah tempat makan dan kantin bersih? Petunjuk: gred kantin (1m), kebersihan sistem perparitan terjaga dan tidak berbau (1m), penggunaan perangkap minyak (1m)	3	Ya/ Tidak
4	Adakah tumbuh-tumbuhan di perkarangan bilik darjah dijaga dengan baik oleh para pelajar?	2	Ya/ Tidak
5	Adakah Taman Sains/Herba dijaga dengan baik oleh para pelajar? Contoh: label nama am & nama saintifik (1m), kebersihan (2m), minima 5 jenis herba/sayur (3m)	6	Ya/ Tidak
6	Adakah kebersihan kawasan dalam dan luar sekolah terjaga? Contoh: padang/ gelanggang permainan	1	Ya/ Tidak
	(4) Penglibatan Digital (16 markah)		
1	Adakah lembaga sekolah/alumni sekolah/ organisasi/ PIBG memberi sumbangan untuk menjayakan program Sekolah Hijau? Petunjuk: bukti gambar (1m) dan resit/penyata (1m)	2	Ya/ Tidak
2	Adakah sekolah anda menyertai aktiviti-aktiviti atas talian yang dianjurkan oleh PBT dan PGC? Petunjuk: Minima 2 program Contoh: Pelancaran ASH, program-program PGC	4	Ya/ Tidak

3	Adakah sekolah anda menyertai program/pertandingan atas talian yang berkaitan dengan alam sekitar? Petunjuk: Bilangan program, bukti (gambar/resit/penyata)	2	Ya/ Tidak
4	Adakah sekolah anda menganjurkan program/pertandingan atas talian yang berkaitan dengan alam sekitar kepada para pelajar? Petunjuk: Bilangan program, bukti (gambar/resit/penyata)	2	Ya/ Tidak
5	Adakah sekolah anda menganjurkan program/pertandingan atas talian yang berkaitan dengan alam sekitar kepada orang ramai? Petunjuk: Bilangan program, bukti (gambar/resit/penyata)	2	Ya/ Tidak
6	Adakah sekolah anda memperkenalkan inovasi atau idea baru dalam menerapkan nilai pendidikan alam sekitar dalam pengajaran dan pembelajaran atas talian? Petunjuk: Bukti (gambar)	2	Ya/ Tidak
7	Adakah amalan "mentor mentee" dipraktikkan semasa menjalankan program sekolah hijau di antara (1m) dan di dalam (1m) sekolah? Petunjuk: bukti (gambar/pengiktirafan)	2	Ya/ Tidak
	(5) Pembentangan (12 markah)		
1	Adakah sekolah mempunyai visi, misi dan objektif Sekolah Hijau? Petunjuk – perlu dibentang semasa audit	1	Ya/ Tidak
2	Adakah sekolah mempunyai carta organisasi/ ahli jawatankuasa bagi program-program Hijau? Nota: Mesti mempunyai gabungan pelajar dan kakitangan sekolah Petunjuk – perlu dibentang semasa audit	1	Ya/ Tidak
3	Adakah sekolah mempunyai sudut Program Sekolah Hijau? Petunjuk – perlu dibentang semasa audit	1	Ya/ Tidak
4	Adakah sekolah mempunyai pelan pelaksanaan (1m), pemantauan (1m) Petunjuk: perlu dibentang semasa audit - mempunyai senarai semak dan minit mesyuarat	2	Ya/ Tidak
5	Adakah bahan-bahan pembentangan disediakan dalam bentuk digital / mesra alam? Contoh: powerpoint, video, gambar dan lain-lain.	1	Ya/ Tidak
6	Adakah sekolah menyediakan pelaporan video Program Sekolah Hijau mengikut kriteria yang digariskan di bawah? ** Video tidak melebihi 5 minit <ul style="list-style-type: none">• Pengenalan• Kecekapan Sumber Asli• Inovasi dan Kreativiti• Kebersihan dan Penghijauan• Penglibatan Digital• Penutup	5	Ya/ Tidak
7	Adakah sekolah menunjukkan komitmen dalam bidang alam sekitar? Petunjuk: penglibatan sekolah dalam program berkaitan dengan alam sekitar melebihi apa yang diperlukan dalam skema pemarkahan ini. Perlu menyatakan contoh dalam pembentangan semasa audit.	1	Ya/ Tidak